



# Fong Ying sasar emas

>>Oleh Wan Noriza Meor  
Idris

wannoriza@NSTP.com.my

JUARA wushu dunia tiga kali, Chai Fong Ying (*gambar*) giat melakukan persiapan menghadapi Sukan Universiti Asia yang berlangsung dua bulan saj lagi, selepas gagal mempertahankan gelarannya di Kejohanan Wushu Asia di Vietnam, hujung bulan lalu.

Mengaku kecewa ditundukkan wakil Jepun, Uchida Ai yang meraih pingat emas, Fong Ying terpaksa berpuas hati mengutip pingat perak dalam acara kegemarannya taijijian di Ho Chi Minh.

“Saya yakin mampu lakukan aksi terbaik di Vietnam tapi malangnya gagal konsisten kerana sudah enam bulan tidak menjalani latihan intensif bersama rakan seangkatan di Bukit Jalil akibat kekangan kerja amali di firma audit swasta sejak awal tahun ini.

“Cuma latihan pusat dua bulan di China berakhir April lalu sedikit sebanyak membantu saya tapi masih tidak memadai untuk mempertahankan gelaran di peringkat Asia.

“Lantaran itu, saya kini cuba bersedia sebaik mungkin untuk tampil lebih hebat di Sukan Universiti Asia di Laos, Disember ini. Apatah lagi, wushu dipertandingkan buat pertama kali di temasya itu.

“Saya ingin melakar sejarah menjadi atlet Malaysia mencipta kejayaan pada penganguran pertama ini,” katanya sejurus tamat latihan, semalam.

Penuntut jurusan perakaunan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu sudah tujuh kali menangguhkan pengajian demi menaikkan nama negara di pentas dunia.

“Saya sudah kembali menyambung pengajian bulan ini dengan mengambil lebih masa kredit. Ini kerana saya cuba menghabiskan segera pengajian yang berbaki dua tahun agar lebih fokus pada wushu,” katanya.

Dia kini dilabel sebagai pengganti bintang wushu negara, Ho Ro Bin. Sejak merangkul gelaran juara berganda, memenangi emas di Sukan Asia Doha dan Guangzhou 2010, Fong Ying kini menjadi harapan skuad kebangsaan mencipta nama di peringkat dunia.